

04 DEC 2002

Rumah-Terbuka

PINTU PAGAR SEMPADAN DI BUKA 24 JAM UNTUK RUMAH TERBUKA M'SIA

ALOR STAR, 4 Nov (Bernama) -- Pintu pagar sempadan Malaysia-Thailand di Bukit Kayu Hitam, dekat sini, berkemungkinan besar akan dibuka 24 jam pada 21 Disember sempena majlis Rumah Terbuka Malaysia Hari Raya Aidilfitri 2002.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain hari ini berkata, pintu sempadan itu dibuka selama sehari pada tarikh tersebut bagi membolehkan rakyat Thailand menghadiri rumah terbuka tersebut.

Majlis akan diadakan di Taman Tasik Bandar Darulaman, Jitra bermula pukul 8.00 malam.

"Kita telah serahkan kepada Tourism Malaysia supaya berbincang dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan pada dasarnya saya bersetuju supaya pintu sempadan dibuka selama 24 jam pada hari itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini.

Sebelum ini pintu sempadan itu dibuka selama 12 jam setiap hari dan sebelumnya kerajaan negeri telah membuat permohonan kepada KDN supaya pintu sempadan itu dibuka 24 jam pada sepanjang masa.

Selain Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta pembesar negara, majlis rumah terbuka itu juga bakal dihadiri oleh Perdana Menteri Thailand dan sebahagian daripada menteri kabinetnya.

Selain itu Menteri Besar juga meminta supaya perkhidmatan feri antara Langkawi dan Kuala Kedah pada 21 Disember dilanjutkan operasinya sehingga pukul 12.00 tengah malam.

"Kemungkinan ramai pembesar negara yang menghadiri majlis tersebut akan tinggal di Langkawi. Jadi kita perlu lanjutkan perkhidmatan feri yang sebelum ini tamat pada pukul 8.00 malam," katanya lagi.

Pelbagai acara menarik disediakan sempena majlis rumah terbuka tersebut.

Artis-artis terkenal seperti KRU, Erra Fazira dan Siti Nurhaliza akan mengadakan persembahan pada majlis tersebut. Selain artis ternama tanah air, majlis itu akan turut diserikan oleh persembahan artis dari Thailand seperti Narumou Chivagkur dan Sabchai Krai Yoon Sen.

-- BERNAMA

MNH ZB